

ISLAM DAN BARAT OLEH SAYYID ABŪ AL-HASAN 'ALĪ AL-NADWĪ¹

Oleh:
Che Zarrina Binti Sa'ari

Abstract

This article is divided into two parts, the first of which reviews the thought of Sayyid Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī on the relationship between Muslim and the Western Civilizations. The second part is the Malay version of his "Islam and the West".

PENDAHULUAN

Artikel ini akan mengenengahkan terjemahan sebuah buku kecil hasil karya pemikir agung Islam dekad lepas iaitu Sayyid Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī. Beliau yang dilahirkan pada 6hb. Muharram 1333H bersamaan 1914M. dan baru sahaja meninggal dunia pada 23hb. Ramaḍān 1420H. bersamaan 31hb. Disember 1999M.² bukan hanya terkenal sebagai seorang pemikir, malahan turut diiktiraf sebagai pendakwah yang dinamis dan kritis, pendidik yang berpandangan jauh ke hadapan, penulis prolific yang berani mengatakan yang benar dan lain-lain lagi. Buku kecil ini adalah sebuah kertas kerja yang dibentangkan di dalam seminar yang diadakan di The Oxford University pada 22hb. Julai 1983. Kertas kerja ini diberi tajuk sebagai *Islam dan Barat (Islam and the West)*. Pembentangan tersebut telah dibuat dengan menggunakan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini telah diterjemahkan oleh Mohiuddin Ahmad ke dalam Bahasa Inggeris dan diterbitkan sebagai sebuah buku oleh Academy of Islamic Research and Publications, Lucknow, India pada tahun 1983. Di samping itu, pada

¹ Sayyid Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī, *Islam and the West*, Academy of Islamic Research and Publications, Lucknow, 1983.

² Lihat Sayyid Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī, *Riwayat Hidup Rasulullah*, (trj.) Bey Ariffin dan Yunus 'Ali Muhdhar, Pustaka Nasional, Singapura, 1986, hlm. Xxv-xxviii; *idem.*, *Ke arah Pendidikan Islam yang Tulin*, (trj.) Abdul Kader Kahar, Pustaka Ikhwan, Kedah, 1986, hlm. 4-8.

tahun yang sama, buku ini turut diterbitkan dengan menggunakan Bahasa Arab dan Bahasa Urdu.³

Buku ini hanya mengandungi 16 muka surat bersesuaian dengan bentuk asalnya sebagai sebuah kertas kerja. Gaya bahasa yang digunakan oleh al-Nadwī adalah gaya percakapan kerana beliau berinteraksi dengan pendengar yang menghadiri seminar tersebut. Misalnya, beliau memulakan penulisannya dengan kalimah “Wahai rakan-rakan”.⁴ Kadang-kala gaya penulisan sedemikian menimbulkan kesukaran untuk diterjemahkan kerana ayat-ayatnya seringkali panjang dan meleret-leret. Namun demikian, mesej yang ingin disampaikan oleh al-Nadwī mudah difahami kerana beliau menggunakan istilah-istilah yang biasa didengar seperti “*knowledge*”, “*sciences*”, “*civilization*”, “*human dignity*” dan sebagainya.

Sebagai pemikir era pertembungan antara tamadun Islam dan Barat moden, al-Nadwī menampilkkan beberapa persoalan tentang hubungan di antara kedua tamadun tersebut, antaranya:

1. Beliau mempertikaikan keberkesanan pusat-pusat pengajian tinggi dan penyelidikan Islam yang dibangunkan di Britain yang dirasakan hanya dibuat sambil lewa sahaja. Beliau kemudiannya menganjurkan supaya penyelidikan dan pengajian tentang Islam dibuat secara mendalam. Beliau turut menegaskan bahawa Islam tidak diberi perhatian serius oleh Barat kerana sikap anak-anak muda Islam sendiri yang tidak mempunyai jati diri, semangat keagamaan yang kental dan tidak mempunyai cita-cita sebagai pendakwah yang unggul.⁵
2. Beliau mengkritik sikap Barat yang menjadikan pendidikan di Timur sebagai alat untuk melahirkan pendokong-pendokong mereka di kalangan umat Islam sendiri.⁶
3. Beliau melihat bahawa kemunduran yang masih membelenggu umat Islam sekarang kerana adanya sikap rendah diri, kagum terhadap Barat, sesal

³ Al-Nadwī, *Islam and the West*, hlm. 3.

⁴ *Ibid.*, hlm. 5.

⁵ *Ibid.*, hlm. 5-6, 11.

⁶ *Ibid.*, hlm. 7; lihat juga *idem.*, *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah al-Hurrah*, Mu’assasah al-Risālah, Beirut, 1977; diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan nama *Ke Arah Pendidikan Islam yang Tulin*, (trj.) Abdul Kader Kahar, Pustaka Ikhwan, Kedah, 1986; Muhammad ‘Uthman el-Muhammady, “Pendidikan Islam Menurut An-Nadwī: Satu Analisis”, *Seminar Pemikiran Sayyid Abū al-Ḥasan ‘Alī Al-Nadwī*, 14 Mei 2000, Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor.

kerana tidak menjadi seperti Barat dan kemudian lahirlah suatu rasa memerlukan Barat serta begitu berminat meniru Barat. Rasa keunggulan diri pula wujud di sebelah Barat yang mengakibatkan mereka memandang rendah kepada umat dan tamadun Islam.⁷

4. Dalam menghadapi tamadun Barat yang hanya menjanjikan kemusnahan dan kehancuran ini, beliau menawarkan pusaka *nubuwwah* (profetik) kepada masyarakat Barat. Beliau merasakan masalah paling besar dalam tamadun Barat ialah penolakan mereka terhadap petunjuk wahyu dan nilai-nilai profetik ini. Kelainan al-Nadwī berbanding pendakwah-pendakwah lain ialah beliau tidak tampil sebagai pengagum Barat atau bersikap apologetik terhadap Barat serta tidak juga membawa dendam kesumat kepada Barat. Beliau lebih suka bertindak sebagai pembimbing dan pendakwah kepada mereka. Oleh yang demikian, beliau telah berpesan kepada pelajar-pelajar Islam supaya menjadi pendakwah dan pembimbing kepada masyarakat tersebut dan bukannya menjadi peniru dan penurut buta.⁸
5. Beliau menghuraikan kekurangan-kekurangan tamadun Barat yang dilihat tidak akan mampu membawa manusia sejagat ke arah kebahagiaan, keamanan dan kesejahteraan secara global. Contoh-contoh diberikan untuk membuktikan kebenaran pendapat beliau. Di samping itu beliau turut menyatakan sikap atau pendirian seorang Muslim yang sebenar apabila berhadapan dengan segala kemajuan dan teknologi yang datang dari Barat. Beliau turut menyarankan masyarakat Barat supaya turut berfikir terhadap kelemahan tamadun mereka supaya mereka dapat membina semula tamadun demi menjamin keselamatan umat manusia.⁹
6. Beliau menggesa supaya masyarakat dunia mula memikirkan persoalan kepimpinan dengan menyebut beberapa kriteria pemimpin Muslim yang

⁷ Al-Nadwī, *Islam and the West*, hlm. 7; lihat juga *idem.*, *Mādḥā Khasīrah al-‘Alam bi Inḥitāt al-Muslimīn*, Dār Ibn Kathīr, Dimasyq, cet. 66, 1999; diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan nama *Apa Derita Dunia Bila Islam Mundur*, (trj.) H. Zubeir Ahmad, Media Da’wah, Thinkers Library, Indonesia, 1983, Malaysia, 1986.

⁸ Al-Nadwī, *Islam and the West*, hlm. 7-8; lihat juga *idem.*, *Speaking Plainly to the West*, Academy of Islamic Research and Publications, Lucknow, 1976; *idem.*, *From the Depth of the Heart in America*, Academy of Islamic Research and Publications, Lucknow, 1978; Siddiq Fadhil, “Tajdid al-Fikr: Analisis Terhadap Pemikiran An-Nadwī”, *Seminar Pemikiran Islam Sayyid Abū al-Ḥasan ‘Alī Al-Nadwī*, 14 Mei 2000, Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa, Selangor, hlm. 2-4.

⁹ Al-Nadwī, *Islam and the West*, hlm. 10-14; lihat juga *idem.*, *al-Sira’ bain al-Fikrah al-Islāmiyyah wa al-Fikrah al-Gharbiyyah*, cet. 2, Kuwait, 1968.

diperlukan supaya kemusnahan dan kehancuran maruah manusia dapat dihentikan.¹⁰

7. Sebagai peminat Dr. Sir Muhammad Iqbal,¹¹ al-Nadwī tidak lupa untuk memuji ketajaman pemikiran beliau, di samping memetik dua puisinya berkenaan tamadun Barat moden. Petikan puisi Iqbal dibuat oleh al-Nadwī bagi membuktikan kebenaran kata-katanya bahawa peradaban Barat hanyalah menyediakan kepuasan fizikal sahaja tanpa mengambil peduli keperluan-keperluan terutama ketaqwaan kepada Tuhan yang satu.¹² Selain itu, al-Nadwī turut menyatakan bahawa Iqbal telah pun sedia meramalkan keruntuhan dan kemusnahan martabat manusia apabila masyarakat Barat dan umat Islam terpicik dan mengagumi ketamadunan Barat tersebut.¹³

TERJEMAHAN ISLAM DAN BARAT

(Hlm. 5) Wahai rakan-rakan,

Pertamanya, izinkan saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada anda kerana menjemput saya untuk menghadiri pertemuan ini yang telah diselenggarakan untuk membincangkan perkara yang begitu mencabar pemikiran (*thought provoking*) iaitu "ISLAM DAN BARAT". [Tempat pertemuan ini] iaitu Universiti Oxford sememangnya terkenal dan dihormati di seluruh dunia juga merupakan sebuah institusi terpenting bagi pengajian di peringkat tinggi.

Ucapan terima kasih, saya rakamkan khas buat Dr. D. G. Browning dan rakan-rakannya yang telah memberikan peluang kepada saya untuk berucap di dalam perhimpunan yang bermakna ini, di samping membolehkan saya bertemu dengan para sarjana dan pelajar-pelajar Islam.

Britain adalah negara Barat yang pertama mempunyai hubungan dengan dunia Islam iaitu pada akhir dekad kurun ke 18. Sebagai perintis kepada kebudayaan barat,

¹⁰ Al-Nadwī, *Islam and the West*, hlm. 14-16.

¹¹ Hasil daripada kajian dan rasa kagum al-Nadwī terhadap puisi-puisi yang dihasilkan oleh Iqbal, beliau telah menterjemahkan hasil karya tokoh tersebut ke dalam bahasa Arab dan menamakan buku tersebut sebagai *Rawai'ū Iqbal*. Sila lihat Ahmad Fahmi Zamzam, "Abū al-Ḥasan 'Alī An-Nadwī: Keperibadian, Sejarah Hidup & Perjuangan", *Seminar Pemikiran Sayyid Abū al-Ḥasan 'Alī Al-Nadwī*, 14 Mei 2000, Pusat Matrikulasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor, hlm. 8-9.

¹² Al-Nadwī, *Islam and the West*, hlm. 12.

¹³ *Ibid.*, hlm. 14.

pendidikan, sains dan teknologi di samping bertindak sebagai wakil kepada kuasa politik Barat, negara ini telah menghabiskan period masa yang lama di beberapa buah negara (*land*), khususnya di benua kecil India dan Mesir. Dengan mengeneipkan isu-isu seperti penampilan [mereka sebagai] penjajah di kawasan-kawasan tersebut sebagai persoalan hak kesusilaan dan keabsahan, ia telah dijangkakan, walaupun menurut pandangan intelektual yang sebenar dan juga dari perspektif psikologi, sepatutnya menanam minat yang tulus untuk cuba memahami semangat (*spirit*) agama (hlm. 6) yang paling berpengaruh dan bertenaga di tanah-tanah jajahannya kerana agama tersebut telah bertindak sebagai sumber terbesar dan juga sebagai punca revolusi terhadap sebahagian besar dunia semenjak kurun-kurun dahulu. Ia juga turut meninggalkan kesan yang mendalam dan kekal lama terhadap ketamadunan manusia.

Sememangnya boleh dikatakan bahawa Islam dan nilai-nilainya yang lebih mulialah yang telah menyelamatkan manusia daripada kehancuran serta memberi mereka kehidupan baru (*new lease*). Situasi ini telah mendorong kepada kekuatan baru - ummat baru - yang mendasari kekuatannya kepada kebenaran dan kebaikan, di samping melawan kejahatan dan kejahilan. Ini adalah kerana [Ummat baru] ini meletakkan perkara tersebut sebagai matlamat terpenting kewujudan mereka. Islam turut merubah perjalanan sejarah dengan menunjukkan suatu cara hidup yang baru kepada dunia dan bukannya dengan cara menghindari masa lalu seperti sikap suka berperang dan kuasa-kuasa zalim. Ini adalah kerana Islam telah menerangkan dengan panjang lebar bahawa ketamadunan manusia bukan hanya mampu bergerak ke hadapan untuk kemajuan tetapi tanggungjawab itu menjadi lebih mudah kerana [sikap dan fungsi] agama itu sendiri. Dakwah Islamiah yang tercetus pada kurun ke 7 Masihi telah menyebar luaskan fahaman katauhidan (*monotheism*) dengan begitu bertenaga dan tekal yang belum pernah disaksikan sebelum ini. [Dakwah Islamiah] ini juga turut mengembalikan kemuliaan [maruah diri] manusia, memelihara persamaan dan hubungan sejagat melalui contoh-contoh yang praktis, memberi hak yang sewajarnya kepada kaum wanita, mewujudkan hubungan silaturrahim yang mendalam dan praktikal di antara manusia dan Penciptanya melalui cinta yang tidak terhingga serta pengabdian yang tulus ikhlas kepadaNya. [Keadaan yang ditonjolkan oleh Islam ini] adalah tidak sejajar dengan sejarah mana-mana agama yang sedia ada [di muka bumi ini]. Perkhidmatan sosial yang diselaraskan dengan matlamat untuk memenangi keredaan Allah Ta'ala telah dipertingkatkan ke tahap pengibadatan yang suci murni untukNya. Agama ini juga turut menanam keghairahan di kalangan masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan di samping telah menghasilkan ramai penulis-penulis berwibawa yang berpengetahuan luas. Sehingga ke hari ini, karya-karya mereka masih dianggap sebagai khazanah yang amat berharga. Kesemua pencapaian ini adalah suatu fakta yang tidak dapat dinafikan, malahan ianya di sokong oleh bukti-bukti sejarah yang tidak dapat dipertikaikan lagi.

(Hlm. 7) Sepatutnya institusi-institusi yang mempunyai kewangan dan persediaan-persediaan lain yang cukup untuk pengajian Islam, al-Qur'an dan berkenaan sejarah kehidupan Rasulullah s.a.w. ditubuhkan di seluruh negara Britain. Galakan sepatutnya diberikan untuk tujuan mempelajari Islam, bebas daripada prejudis-prejudis yang timbul hasil daripada tercetusnya peristiwa Perang Salib, ketaasuban agama (*religious bigotry*) termasuk juga tujuan-tujuan dan cita-cita politik yang seringkali menghalang seseorang untuk melihat dengan cara saksama terhadap warisan keintelektualan (*intellectual legacy*), kepercayaan dan kebudayaan orang-orang yang dikuasai (*subjugated*). Saya tidak bermaksud untuk memandang rendah kepentingan ataupun kemanfaatan jabatan-jabatan Pengajian Islam dan Kebudayaan Asia Barat yang terdapat di universiti-universiti di negara Britain. Tetapi apa yang saya ingin tekankan ialah berkenaan pengajian yang amat memerlukan penyelidikan yang lebih mendalam disertai keikhlasan yang tinggi serta visi yang lebih luas dan keterbukaan [fikiran], berbanding dengan pengajian yang hanya bertujuan untuk mencapai keuntungan-keuntungan (*benefits*) tertentu dalam ekonomi dan material.

Namun begitu, terdapat situasi yang tidak menguntungkan dalam hubungan di antara Britain dan tanah-tanah jajahannya atau boleh dikatakan di antara Timur dan Barat [kerana ia] hanya terjalin dalam bentuk satu hala sahaja yang berlangsung semenjak seratus tahun yang lalu atau pun lebih lama daripada itu. Secara keseluruhannya, negara-negara Barat telah menjadikan pendidikan yang terdapat di Timur sebagai alat (*instrument*) [perantaraan] bagi melahirkan orang-orang yang berkemampuan untuk berfikir dan bertindak laku seperti mereka, di samping untuk melayani keperluan dan tujuan penjajahan mereka. Mereka tidak pernah merasakan keperluan untuk mengambil atau mempelajari sesuatu daripada Timur. Tanpa diragui, sikap ini boleh menjadi sebahagian [penyebab] kepada kelemahan politik di Timur dan juga menjadikan [orang-orang Timur] mengalami perasaan kecewa (*frustration*) dan rasa rendah diri (*inferiority complex*). Malahan [masyarakat] Timur telah kehilangan [warisan] berbentuk praktikal dari dorongan keyakinan yang telah diinspirasikan oleh seorang lelaki miskin yang diberi peranan sebagai Nabi, jauh di negeri Arab yang dikenali sebagai Yathrib, sekarang Madinah. [Kemunculan Baginda adalah] untuk mengajak raja-raja di negara yang sangat berkuasa pada masa tersebut yang kebanyakannya terdiri daripada negara-negara yang telah membangun. Baginda mengutus surat kepada Raja Byzantine, Heraclius (hlm. 8) (610-641M.) dan juga kepada Raja Iran Chosroes II (590-628M.) untuk mengajak mereka kepada ketauhidan Tuhan (*monotheism*). Baginda menulis surat kepada Heraclius dengan memetik ayat al-Qur'an sebagaimana berikut:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak

sekutukannya dengan sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah.” Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: “Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam”.¹⁴

Kemungkinan pada masa Baginda menulis surat-surat ini, Baginda tidak mempunyai makanan mahu pun minyak untuk menyalakan lampu tanah [bagi menerangi] rumahnya kerana ini adalah cara biasa Baginda menjalani hidupnya, sedangkan hamba-hamba kepada orang yang didakwahnya mungkin merasa mual untuk menjalani kehidupan sedemikian rupa kerana kemewahan [bagi golongan atasan pada masa tersebut] melampaui batasan (*overindulgence*) [yang sepatutnya].

Apabila pengikut-pengikut Baginda menemui panglima-panglima perang yang berjuang untuk kepentingan sendiri serta menemui orang-orang kenamaan empayar tersebut, mereka telah ditanya tentang tujuan lawatan mereka. Lantas mereka menjawab: “Kami telah diutuskan oleh Allah untuk mengambil balik kekuasaan hambaNya terhadap sesama manusia yang melampaui batasan (*overlordship*) dengan mengembalikan kekuasaanNya yang tiada batasan; daripada kesempitan sempadan dunia ini kepada yang tiada sempadan; dan daripada tekanan (*oppressiveness*) agama-agama lain kepada keadilan dan kesaksamaan agama Islam.”¹⁵

Secara jujurnya, saya tidak pula terperanjat terhadap jawapan yang mereka berikan kerana sebenarnya mereka berusaha (*gone forth*) untuk membebaskan manusia daripada [sistem] perhambaan sesama manusia bagi menjadikan mereka sebagai hamba Allah yang sebenarnya. Di samping itu, mereka menganggap diri mereka sebagai pembawa berita berkenaan kebebasan manusia serta sebagai pendakwah dan orang yang berpegang teguh kepada kepercayaan mentauhidkan Tuhan (*monotheism*). (hlm. 9) Tetapi di sebalik itu, saya merasa kagum terhadap jawapan yang diberikan oleh mereka yang berpakaian tidak lengkap (*half clad*) yang menjadi penghuni gurun-gurun pasir yang sukar untuk mendapatkan makanan. Mereka ini mendakwa bahawa merekalah yang [sepatutnya] mengetuai perubahan [sikap] pemerintah-pemerintah dari negara-negara besar dan terkenal daripada kehidupan dunia yang sempit (*narrowness*) kepada dunia Allah yang tiada batasannya (*limitlessness*). Jawapan mereka membuktikan mereka menyakini fakta bahawa kesemua orang yang mengejar keuntungan-keuntungan material semata-mata tanpa memikirkan pujukan yang dibuat oleh pancaindera, sebenarnya adalah orang yang terperjara di dalam hawa nafsu

¹⁴ Al-Qur’an, *Sūrah Ali ‘Imrān*, 3:64.

¹⁵ Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Jil. 1, Beirut, 1966, hlm. 39.

mereka sendiri dan [terkurung di dalam kongkongan] adat kebiasaan yang direka cipta oleh manusia. Golongan tersebut adalah orang yang lebih rendah daripada hamba abdi (*serfs and slaves*). Orang-orang sedemikian boleh dibandingkan dengan burung-burung yang mempunyai bulu yang cantik dan suara yang merdu, tetapi terpenjara di dalam sangkar emas.

Anak-anak muda yang mempunyai keyakinan diri dan kepercayaan yang teguh kepada Allah daripada tanah-tanah jajahan dan negeri-negeri naungan British dahulu yang memasuki universiti-universiti di negara tersebut, sepatutnya mampu untuk meyakinkan sekurang-kurangnya kawan-kawan dan rakan-rakan sekuliah mereka, walaupun bukan guru-guru mereka, bahawa pengajian Islam secara mendalam (*in depth*) adalah amat penting. Sebaliknya, mereka tidak sepatutnya mengagumi (*over-awed*) kegemerlapan tamadun Eropah.

Saya akan diburu rasa bersalah kerana ketidakadilan sekiranya saya tidak menyebut bahawa terdapat juga beberapa anak muda Islam yang mendapat pendidikan sebagaimana yang diperkenalkan di India telah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan untuk mencurahkan pemikiran-pemikiran mereka. Beberapa orang daripada mereka telah mendapat pengiktirafan daripada orang-orang yang sememangnya berbahasa Inggeris (*English-speaking people*). Malahan beberapa orang telah pun menerima pujian daripada sarjana-sarjana negara tersebut disebabkan sumbangan mereka dalam penulisan dan input-input yang diberikan kepada pemikiran orang lain. Salah seorang daripada mereka ialah Rt. Hon. Syed Ameer 'Ali kerana bukunya *Spirit of Islam* telah mendapat tempat di kalangan orientalis. En. Osborn telah menyatakan bahawa buku tersebut sememangnya boleh dipuji kerana penulisnya telah mampu menguasai sepenuhnya bahasa Inggeris. Seterusnya En. Osborn menyatakan bahawa di kalangan orang Inggeris sendiri tidak ramai (hlm. 10) yang mampu meneladani dan meniru gaya penulisan beliau yang bebas daripada kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan dalam karya-karya penulis-penulis India yang menulis dalam bahasa Inggeris. Beliau [En. Osborn] telah mengucapkan tahniah kepada masyarakat India Islam yang mempunyai penulis-penulis sedemikian di kalangan mereka.¹⁶

Seorang lagi [penulis] yang bersinar (*luminary*) ialah Dr. Sir Muhammad Iqbal (Cantab) yang mempunyai ketajaman pemikiran dan kepintaran luar biasa dalam puisi (*poetic genius*) yang telah diiktiraf oleh Universiti London dengan menterjemahkan karya-karya Dr. Iqbal iaitu *Asrar-I-Khudi* (*Rahsia Diri*) dan *Rumuz-I-Bekhudi* (*Misteri-misteri Tidak Mementingkan Diri Sendiri*) ke dalam bahasa Inggeris. Ketika sambutan-sambutan ulang tahun ke seratus (*centenary celebrations*) yang diadakan bagi mengingati Dr. Iqbal di Lahore pada bulan Disember 1977 di bawah naungan

¹⁶ Di sebut di dalam buku Ahmad Amin, *Zu'amā' al-Islām fī 'Asr al-Hadīth*.

Kerajaan Pakistan, mereka telah mendedahkan bahawa terdapat beberapa buah buku dan jurnal berkenaan Dr. Iqbal yang telah diterbitkan pada masa tersebut. Penerbitannya dibuat dalam pelbagai bahasa berjumlah hampir dua ribu buah yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Inggeris.

Saya juga tidak dapat mengelakkan diri untuk menoleh kembali kepada seorang lagi tokoh pejuang agung kemerdekaan India yang benar-benar membawa gerakan pembebasan ke dalam bentuk praktikal kehidupan orang awam. [Beliau adalah] seorang Islam yang bersemangat yang turut terkenal sebagai penulis dan penceramah (*speaker*). Beliau adalah graduan Universiti Oxford dan pernah menulis [perkataan] Oxon di sebelah namanya. Beliau adalah Maulana Muhammad ‘Ali daripada gerakan Khilafat yang terkenal. Walau bagaimanapun, kesemua mereka ini hanyalah sebahagian kecil individu-individu daripada beribu-ribu anak muda yang menjanjikan sesuatu hasil yang baik (*promising youngmen*) yang telah datang ke England dari tempat masing-masing semata-mata untuk mendapatkan pendidikan tinggi. Kemudiannya, mereka pulang ke negara masing-masing bersenjatakan (*armed*) ijazah-ijazah akademik daripada universiti-universiti British. Namun begitu, sebagaimana yang telah saya nyatakan di atas, keadaan ini hanyalah merupakan jalan sehalu (*one-way-traffic*) yang sukar sekali untuk diambil apa-apa manfaat untuk [masyarakat] Timur mahupun [masyarakat] Barat sendiri selama mana agama Islam itu [tidak] dititik beratkan. Ia [Islam] tidak pernah mendapat (hlm. 11) perhatian yang sewajarnya. England telah menarik beribu-ribu anak muda Islam daripada empayarnya dahulu yang terbentang luas ke seluruh Asia. Sementara negara Perancis juga pernah mempunyai ramai bilangan pelajar yang datang dari negara-negara di Afrika Selatan yang masih lagi bergantung kepadanya. Meskipun begitu, Islam tidak pernah di beri perhatian serius kerana anak-anak muda tersebut sendiri tidak mempunyai semangat jati diri dan [ketiadaan] semangat keagamaan serta [kelupusan] semangat sebagai pendakwah yang telah menjadi ciri-ciri unggul masyarakat Arab pada kurun ke 7 yang buta huruf (*illiterate*) mahupun hanya separa celik huruf (*semi-literate*). Keadaan ini berlaku, meskipun pada kurun ke 7 tersebut, sebenarnya terdapat perbezaan-perbezaan [ketara] dalam tahap kebudayaan [yang dicapai] oleh masyarakat Arab [berbanding] dengan negara-negara jirannya iaitu Byzantine dan Iran. [Perbezaan ini] adalah jauh lebih besar berbanding dengan perbezaan-perbezaan yang terdapat di antara Barat dan India, Mesir mahupun negara-negara Afrika Selatan. Pelajar-pelajar Islam dari negara-negara tersebut yang berkunjung ke Barat pernah membiasakan diri mereka dengan kebudayaan dan ketamadunan Barat di tanah air mereka sendiri. Sekurang-kurangnya, tidak sebuah pun daripada negara-negara ini yang mencapai tahap kemunduran seperti negara Arab pada kurun ke 7 dahulu.

Kedua-dua belah pihak mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap kenyataan yang mendukacitakan mengenai perhubungan ini, walaupun seringkali

setiap masyarakat yang bertenaga, membangun dan pragmatik dianggap penting untuk menumpukan perhatian mereka kepada usaha-usaha keintelektualan sedemikian. Pada pertengahan kurun ke sembilan belas, apabila sains fizik dan teknologi menguasai pemikiran manusia dan ilmu pengetahuan, mereka mempunyai peluang keemasan untuk untuk mempergunakan agama (dan agama Islam adalah merupakan contoh agama yang praktikal dan tegas serta bersemangat) sebagai penerapan (*pressing*) hasil-hasil atau ilmu pengetahuan dan kekuasaan ke dalam saluran yang tepat demi kebaikan manusia sejagat. Itulah masa [yang sesuai] untuk menyemai daya tahan diri (*self-restraint*); untuk mengangkat kedudukan orang ramai melampaui batasan negara-negara dan bangsa-bangsa; untuk mempropagandakan martabat manusia (*human dignity*) dan persamaan kedudukan di antara kesemua manusia; untuk melemahkan semangat terhadap kemarahbayaan yang besar dan ketiadaan semangat perlumbaan dalam memperolehi sesuatu serta mempamerkan kekuatan di kalangan bangsa-bangsa yang berlainan di dunia ini yang mana, dari sekarang, (hlm. 12) telah dipinggirkan ke tebing jurang. Andainya ia telah dilakukan, maka kepimpinan dunia pada masa ini seharusnya bersedia untuk mendengar dakwah [agama] suci ini.

*“Negeri akhirat (yang telah diterangkan nikmat-nikmatnya) itu, Kami untukkan bagi orang-orang yang tidak bertujuan hendak mendapat pengaruh atau kelebihan di muka bumi¹⁷ dan tidak ingat hendak melakukan kerosakan; dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa”.*¹⁸

Dunia pada masa ini mungkin sama sekali berbeza sekiranya kemajuan sains dan teknologi diiringi dengan ketaqwaan kepada Allah (*fear of God*) dan perasaan hormat terhadap nilai-nilai kemanusiaan (*human values*). Seterusnya kekuasaan dan sumber-sumber yang tidak terbatas mungkin akan dipandu oleh cita-cita dan idea-idea yang lebih mulia. Di samping itu, ia juga mungkin akan menggalakkan usaha-usaha kerjasama di antara pelbagai bangsa sebagai ganti kepada penjana semangat berlawan-lawan, berkelahi dan konflik. Kemudiannya, kita mungkin akan mendapati diri kita hidup sebagai ahli kepada sebuah keluarga yang bertamaduan dan berkesedaran, dan bukannya sebagai makhluk yang dibahagi-bahagikan kepada blok-blok kuasa Barat dan Timur seperti yang sedia ada pada masa kini, yang mana persaingan [diantara kedua-dua blok tersebut] adalah merupakan ancaman kepada kepentingan kewujudan peradaban manusia, lebih-lebih lagi terhadap keturunan

¹⁷ Maksudnya mereka berusaha dan beramal dengan ikhlas kerana Allah semata-mata. Sekiranya mereka mendapat kelebihan dan kedudukan yang tinggi dalam masyarakat, mereka tidak bersikap sombong, takbur atau pun menindas orang lain.

¹⁸ Al-Qur'an, *Sūrah al-Qaṣaṣ* 28:83.

¹⁹ Maksudnya secara tidak terperinci dan mendalam.

manusia sendiri. Namun begitu, perkembangan ilmu-ilmu secara sepintas lalu¹⁹ (*ephemeral knowledge*), sains dan teknologi yang memberi penekanan kepada mewujudkan [sistem] politik yang tidak terkawal dan [memenuhi] kepuasan fizikal telah membawa umat manusia hampir kepada pemusnahan diri (*self-destruction*). Iqbal telah meramalkannya dengan tepat [sebagaimana berikut]:

Pemikiran biadap yang

Telah terdedah kepada rahsia-rahsia kudrat alam,

Telah pun meletakkan lantai di sekitar pendiangnya (*hearth*) dalam bahaya

Disebabkan oleh nyalaan apinya yang bercahaya.

Tuan-tuan dan puan-puan; kita tidak dapat menafikan bahawa peradaban moden dan pimpinan keintelektualan semasa telah gagal dalam ruang lingkup pembinaan akhlak. (hlm. 13) [Begitu juga, ia telah gagal] untuk mempersiapkan individu-individu yang prihatin (*conscientious*) kepada dunia yang mana mereka dipandu oleh kesedaran kehidupan terhadap tanggungjawab sosial. Ia boleh “membelenggu sinaran matahari”, “cuba mengetahui tentang orbit bintang-bintang (*stars*)”,²⁰ menghantar “manusia ke planet-planet” dan menghasilkan tenaga atom untuk tujuan penting”. Kesemua ini boleh menghapuskan kemiskinan dan menjadikan setiap orang celik huruf. Tidak ada seorang pun yang dapat menafikan pencapaian-pencapaian tersebut. Namun begitu, ketidakupayaannya terbukti apabila ia tidak mampu mewujudkan individu-individu yang baik dan suci, [tidak berjaya melahirkan] manusia-manusia beriman dan juga kejujuran dalam tingkah laku. Demikianlah kenapa kerja-kerja yang diusahakan pada kurun-kurun ini menjadi sia-sia sahaja; begitu juga dengan penguasaan rasa kecewa dan rasa tidak puas hati menjalar masuk ke seluruh pelusuk dunia. Lebih-lebih lagi manusia semakin kehilangan keyakinan, meskipun terhadap sains (*science*) dan pembelajaran (*learning*) yang boleh pula menghapuskan reaksi bertenaga terhadap ilmu pengetahuan (*knowledge*) dan peradaban. [Di samping itu ia merupakan] tanda awal kepada perasaan jijik (*revolt*) terhadap nilai-nilai tradisi dan penerimaan norma-norma masyarakat. Manusia yang terpedaya telah menjahanamkan peralatan-peralatan dan perkakas-perkakas yang baik dan tidak merbahaya dengan mengubahnya menjadi alat-alat (*tools*) [untuk tujuan] korupsi dan kemusnahan. Sebuah bot yang kuat tidak boleh diperbuat dari papan nipis yang buruk. Mempercayai bahawa papan nipis yang diletakkan satu pesatu berkemungkinan lemah dan reput, tetapi akan menjadi baik dan kuat apabila diletakkan bersama adalah suatu anggapan yang salah (*fallacy*). [Ataupun] pencuri-pencuri berkemungkinan menjadi pencuri apabila mereka hidup bersendirian, tetapi sekiranya mereka membentuk satu kumpulan mereka berubah menjadi pengawal-pengawal (*watchmen*) dan mula bertindak sebagai warganegara yang

²⁰ Teks asal mencatatkan perkataan “*atars*” yang tidak mempunyai maksud. Kemungkinan besar kesilapan menaip (*typing error*) telah berlaku.

bertanggungjawab. Individu-individu yang lahir daripada pimpinan keintelektualan moden tidak mempunyai keimanan (*faith*) dan kegigihan (*earnestness*). Mereka jahil tentang kedudukan sebenar manusia dan maruah mereka. Mereka hanya memahami kekuatan logika dan doktrin kegembiraan (*doctrine of pleasure*). Ataupun mereka bersumpah dengan [nama fahaman] nasionalisme (kebangsaan). Sama ada mereka ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin kapitalis atau pun sosialis, mereka tidak akan mampu membina sebuah masyarakat yang sihat dan penuh ketaqwaan kepada Allah, mahupun mewujudkan suasana persekitaran yang aman dan sejahtera.

(Hlm. 14) Mereka sememangnya tidak boleh dipercayai untuk membawa manusia kepada matlamat [hidupnya]. Kita sedang melalui masa yang kritikal di mana nasib yang bukan hanya sebuah negara malahan kesemua manusia berada dalam pertarungan; ianya menghadapi bahaya kemusnahan secara total. Usaha-usaha yang dibuat oleh beberapa orang reformer dan pakar pendidikan yang bersikap sederhana (*moderate*) dan berhati-hati (*discreet*), walau bagaimanapun bermaksud baik, tidak akan berkesan. Saya tidak bermaksud menafikan kemanfaatan (*utility*) mereka di dalam kondisi yang normal. Tetapi pada masa yang begitu genting sebagaimana hari ini, iaitu apabila manusia berdiri di persimpangan jalan kehidupan dan kematian, orang-orang yang berjiwa besar yang memiliki dorongan moral, jiwa yang berani [dan kental] serta semangat orang-orang yang syahid diperlukan kerana hanya mereka yang tergolong di dalam ciri-ciri tersebut sahaja yang mampu menyelamatkan manusia daripada kematian dan kemusnahan pada ketika itu.

Kawan-kawan; maafkan saya, sekiranya saya mengatakan bahawa Barat pada suatu masa dahulu telah menghasilkan [kuasa] yang amat besar dalam aspek sosial, sains fizik dan juga politik; yang mengubah peta dunia; yang mana kepintarannya telah diakui dan yang mana penemuan-penemuan barunya telah dipergunakan untuk kemanfaatan semua, sekarang ini sedang melalui fasal keintelektualan yang mati kerana tidak dipergiatkan lagi (*stagnation*). Sekarang Barat memerlukan kepemimpinan baru dan bersifat revolusi yang mempunyai dorongan kenabian supaya dapat merubah matlamat dan tujuan sains dan teknologi secara radikal daripada kemusnahan kepada pembinaan semula, di samping untuk menyemai rasa ketenangan fikiran (*equanimity*) dan pengawalan diri (*self-control*) serta membawa penyesuaian semula terhadap perlawanan dalam kem-kem politik untuk keselamatan masyarakat manusia daripada keretakan dan kematian. Kepimpinan yang sedemikian telah lama lupus dalam dunia Barat. Iqbal telah pun menyedari bahaya ini semenjak lebih kurang tiga suku abad yang lalu dan beliau telah menarik perhatian tentang perkara tersebut di

dalam rangkap-rangkap [puisi] ini yang menerangkan peradaban Barat sebagai berikut:

Tanpa *Kalīm*²¹ yang memiliki kecemerlangan adalah

Tanpa *Khalīl*²² yang mempunyai api;

(hlm. 15) Akal yang tidak berhati-hati adalah musuh kepada nasib baik yang disayangi.

Atmosferanya adalah tanpa kepanasan dari keluhan orang tidak sabar;

Dan penaungnya, tanpa pelanggaran oleh jiwa yang mabuk.

Apa yang ingin disampaikan oleh Iqbal di dalam bait-bait ini ialah bahawa Barat mewah dengan tanda-tanda ketuhanan yang membawa kepada keupayaan untuk mencari pengetahuan tentang Allah melalui tanda-tanda tersebut. Namun begitu, tragedi yang berlaku ialah orang yang boleh mengajak manusia kepada Allah seperti Musa dan menunjuki mereka ke jalan kebaikan dan kemurnian dengan pertolongan petunjuk wahyu tidak wujud. Iqbal berkata bahawa dalam keadaan terumbang-ambing dalam dunia material, maka ramai yang kelihatan mendakwa penuh kesombongan: “Akulah yang memberi kehidupan dan yang menyebabkan kematian”,²³ tetapi Ibrahim tidak ada lagi untuk menolak dakwaan tersebut dan menegaskan: “Tuhanku ialah Dia yang memberi kehidupan dan menyebabkan kematian”,²⁴ serta menghadapi akibat-akibatnya dengan penuh keberanian dan kecekalan. Atmosfera Barat seolah-olah telah dipertanggungjawabkan dengan jentera-jentera yang sibuk lagi memenatkan dan juga kegiatan-kegiatan ekonomi, tetapi sebenarnya ia adalah beku dan kaku (*frigid*) kerana ia tidak memiliki perasan kemesraan dan hati yang bersemangat. Keintelektualannya kehilangan kasih sayang dan juga jiwa yang sewajarnya. Ia begitu mengambil berat tentang kerugian dan keuntungan sehinggakan risiko yang terjadi sentiasa di perhitungkan dan di rancang terlebih dahulu. Desakan yang penuh dengan keberanian (*daring*) dan kespontanan (*instantaneous*) telah menyebabkan para cendekiawan dan ilmuan di kalangan orang-orang tua telah mengambil langkah bersifat revolusi untuk menyedarkan manusia yang sedang terlena. Cadangan-cadangan terhadap desakan tersebut dibuat meskipun terhadap para intelek untuk menilai kembali pemikiran dan pendirian mereka, kerana hanya dengan cara ini sahajalah dunia akan mengalami proses revolusi.

(Hlm. 16) Pada masa ini kepemimpinan yang bersifat revolusi diperlukan untuk menyelamatkan peradaban manusia, terutamanya di Barat (di mana negara Britain juga

²¹ Gelaran kepada Nabi Mūsā ‘a.s.

²² Gelaran kepada Nabi Ibrahim ‘a.s.

²³ Al-Qur’an, *Sūrah al-Baqarah*, 2:258. Ini adalah dakwaan yang pernah dibuat oleh Raja Namrud, Raja bagi negara Ur pada masa kerasulan Nabi Ibrahim ‘a.s.

²⁴ Al-Qur’an, *Sūrah al-Baqarah*, 2:258.

termasuk dalam bahagian ini dan turut mempunyai sejarah gemilang). Demi mengorak kejayaan untuk menyuntik kehidupan baru ke dalam rangka peradaban moden dan nilai kemanusiaan yang sedang merundum, kepimpinan tersebut perlulah realistik, [mempunyai] pemikiran yang waras, berani dan tidak mementingkan diri sendiri. Pusat-pusat pendidikan adan keintelektualan serta karya-karya dan penulis-penulis yang terdapat di negara ini boleh berperanan sebagai ketua dalam usaha yang murni ini. Saya berharap bahawa cadangan [penubuhan] Pusat Islam (*Islamic Centre*) yang telah dirangkakan oleh anda di sini pada masa yang amat bersesuaian, akan menjadi bukti kepada langkah pertama menuju ke arah tersebut. Inilah harapan dan keinginan yang membawa saya ke sini, walaupun kesihatan [saya] yang tidak baik, di samping urusan-urusan yang menimbun.

Saya, sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua kerana penghormatan ini, dan saya berdoa kepada Yang Maha Besar semoga usaha-usaha anda akan berjaya dan berkembang serta orang-orang yang mengharapakan sesuatu yang baik daripada pusat ini dapat mencapai harapan mereka.

KESIMPULAN

Al-Nadwi adalah seorang pejuang Islam berjiwa besar yang melihat dunia dengan pandangan seorang pendidik dan pembimbing. Beliau telah melihat dengan pandangan yang tajam bahawa kehidupan umat manusia akan terjamin apabila mereka berada di bawah naungan Islam. Sebaliknya manusia sejagat yang berada di luar Islam akan menghadapi kemusnahan dan keruntuhan walau pun ketika itu mereka telah berjaya mencapai ketamadunan dan peradaban yang tinggi. Ini adalah kerana tamadun ciptaan Barat moden hanya mampu menjamin kebahagiaan material tanpa menjanjikan kesejahteraan spiritual. Al-Nadwi turut memulihkan keyakinan umat Islam terhadap jati diri mereka dengan menegaskan bahwa mereka sahajalah yang memiliki penawar paling berkesan untuk mngubati segala kemusnahan, keruntuhan dan kebekuan yang terjadi dalam masyarakat sejagat.